

23 MAR 2000

YANG DI-PERTUAN AGONG HADIRI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menghadiri hari kedua Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-185 di Istana Negara di sini.

Seri Paduka diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Mesyuarat itu berakhir hari ini.

Menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah mesyuarat itu dipengerusikan oleh Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah.

Menurut kenyataan itu lagi antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat itu ialah berkenaan dasar negara, pelantikan dan agama.

Semua Raja dan Yang Dipertua Negeri hadir kecuali Raja Perlis yang diwakili oleh Tengku Syarif Bendahara Datuk Seri Diraja Syed Badaruddin Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullial, Sultan Kedah yang diwakili oleh Raja Muda Tunku Haji Abdul Malik Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan Sultan Johor yang diwakili oleh Tunku Mahkota Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar.

Selangor pula diwakili oleh Pemangku Sultan Tengku Idris Shah.

Sementara itu jurucakap Istana Negara berkata Dr Mahathir telah menyampaikan taklimat khas selama satu jam pada mesyuarat itu.

Menteri Besar dan Ketua Menteri turut hadir mengiringi Raja serta yang Dipertua Negeri masing-masing.

-- BERNAMA

SLR NMO